

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 3 OKTOBER 2017

MUKA SURAT: 03

Sidang pengurusan sisa pepejal 22-24 Oktober

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Kira-kira 3,000 peserta dari 70 negara dijangka hadir ke Persidangan Pengurusan Sisa Pepejal Antarabangsa (ISWA) 2018 di sini dari 22 sehingga 24 Oktober ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam satu kenyataan berkata, persidangan itu dianjurkan bersama dengan Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM).

Katanya, persidangan itu akan berperanan sebagai platform dalam aktiviti perbincangan dan perkongsian idea mengenai pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien.

“Menurut Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Malaysia antara negara membangun yang menghadapi cabaran dalam mengimbangi kadar populasi yang meningkat selari dengan keperluan pembangunan sosioekonomi yang bersesuaian.

“Kerajaan berbangga kerana

Malaysia telah dipilih sebagai lokasi persidangan antarabangsa ini lebih-lebih lagi negara kita sedang menuju ke arah gaya hidup yang mampan bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat pada masa hadapan,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Dalam pada itu, menurut kenyataan sama, Persatuan Pengurusan Sisa Pepejal Amerika Utara yang juga penganjur ISWA telah menyampaikan watak penganjuran persidangan kepada Ali di Baltimore, Amerika Syarikat.

Yang turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Duta Malaysia di Amerika, Tan Sri Zulhasnan Rafique; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohammad Mentek dan Presiden Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia, Ho De Leong.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web kementerian di www.kpkt.gov.my dan www.iswa2018.org.